

Proses Kreatif Penulisan Cerpen: Satu Tinjauan Merentas Generasi

Norshah Aizat Shuaib^{1*} dan Juliana Ahmad²

¹Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Malaysia Perlis.

²Pusat Bahasa Antarabangsa Universiti Malaysia Perlis.

ABSTRAK

Proses kreatif merupakan sesuatu yang unik dan kekal menjadi rahsia seorang penulis. Proses ini selalunya tidak dapat diketahui oleh pembaca, melainkan diterangkan oleh penulis sendiri. Dalam kajian ini, proses kreatif penulis-penulis cerpen daripada generasi berbeza iaitu penulis dekad 50-an (ditulis sebagai generasi terdahulu) dan kini telah dibandingkan menerusi kajian teks berkenaan proses kreatif dan temu bual. Skop perbincangan telah dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu peluang untuk berkarya, hubungan dengan unsur alam dan perkembangan teknologi. Kajian ini mendapati, peluang berkarya untuk penulis terdahulu lebih terbatas atas faktor media arus perdana untuk menyiarkan karya agak terhad. Dari aspek hubungan unsur alam, penulis terdahulu dilihat lebih banyak mengetengahkan unsur alam dalam karya-karya mereka. Hal ini kerana penulis masa kini tidak begitu terdedah dengan unsur alam dalam kehidupan seharian, jika dibandingkan dengan penulis terdahulu. Perkembangan teknologi pula telah menyaksikan lambakan karya penulis muda atau masa kini dalam pelbagai platform, terutamanya dalam media sosial. Penulis masa kini lebih akrab dengan media-media digital yang lebih bebas dan tidak mempunyai tahap saringan atau penilaian editor yang begitu teliti. Secara keseluruhan, proses kreatif seseorang penulis didapati berubah dengan jelas merentas generasi, selari dengan perkembangan teknologi. Perubahan proses kreatif ini mempengaruhi isu-isu yang disampaikan penulis dalam karya, gaya bahasa dan kualiti penulisan.

Kata Kunci: Proses Kreatif, Cerpen, Teknologi, Sastera, Latar Masyarakat.

PENGENALAN

Proses kreatif merupakan sesuatu yang unik dan kekal menjadi rahsia seseorang penulis. Proses ini selalunya tidak dapat diketahui oleh pembaca, melainkan diterangkan oleh penulis sendiri. Jika penulis memilih untuk senyap, proses kreatif akan menjadi misteri dan pembaca akan terus tertanya-tanya. Bagi seseorang penulis, proses kreatif acap kali hadir tanpa diduga. Selepas karya selesai, penulis akan termenung seketika dan berfikir bagaimana semua ini bermula? Selepas menghasilkan beberapa karya, penulis juga akan sedar bahawa setiap satu karyanya mempunyai penceritaan tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Walaupun jarang berlaku, ada kalanya jawapan kepada rahsia penghasilan sesebuah karya sudah dinyatakan secara jelas dalam karya itu sendiri.

Perbezaan proses kreatif antara penulis adalah ketara, meskipun penulis-penulis tersebut adalah sebaya dan mempunyai latar belakang yang sama. Banyak faktor yang mempengaruhi proses kreatif seseorang penulis. Antaranya adalah pengalaman peribadi, situasi setempat atau masyarakat sekeliling, latar masa dan sebagainya. Usia seseorang penulis juga sedikit sebanyak memberi kesan. Setiap zaman mempunyai cabaran tersendiri untuk dihadapi penulis. Setiap zaman juga mempunyai wadah berkarya yang berlainan. Kesemua hal ini telah menyebabkan kecenderungan dalam aspek-aspek tertentu untuk setiap generasi penulis.

*Koresponden: norshahaizat@unimap.edu.my

Makalah ini akan membincangkan serba sedikit perkembangan proses kreatif daripada satu generasi kepada generasi yang lain, merentas masa dari dekad 50-an sehinggalah pada hari ini. Cabaran pertama di sini adalah untuk mendefinisikan siapakah yang wajar dikatakan sebagai generasi penulis hari ini, generasi penulis lama dan sebagainya? Adakah pendefinisian ini perlu mengikut usia penulis atau zaman kegemilangannya? Hal ini disebabkan oleh seorang penulis tidak hanya mengehendkan penulisan karyanya dalam ruang masa tertentu. Sebagai contoh, penulis yang berumur 70 tahun dan aktif menulis sejak berumur 20 tahun sehingga ke hari ini telah melalui perjalanan selama lima dekad. Jadi, adakah penulis ini boleh dikategorikan dalam penulis generasi hari ini atau generasi sebelumnya? Tentunya, untuk mengklasifikasikan atau menamakan istilah 'penulis generasi hari ini' adalah sesuatu yang sangat sukar. Bagi memudahkan perbincangan dalam makalah pendek ini, penulis generasi hari ini atau penulis muda didefinisikan sebagai penulis berumur 35 tahun ke bawah yang baru giat menulis dan menyiarkan karya, dari tahun 2010 sehingga tahun 2017. Khalayak yang selebihnya akan dikategorikan sebagai generasi atau penulis lama.

Perbandingan proses penulisan cerpen merentas generasi bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini disebabkan oleh maklumat berkenaan proses kreatif dalam penghasilan cerpen jarang sekali dihimpunkan, jika dibandingkan dengan kumpulan cerpen. Antara naskah berkenaan proses kreatif penulisan cerpen adalah *Kuras-Kuras Kreatif* (Allahyarham Azizi Haji Abdullah) dan *Bagaimana Saya Menulis: Proses Penciptaan Cerpen* (diselenggara oleh Mawar Shafie dan Nisah Haji Haron). Sesetengah proses kreatif tidak dibukukan secara langsung, sebaliknya diceritakan dalam bentuk biografi pengarang. Dengan membaca memoir atau biografi pengarang, secara tidak langsung pembaca dapat mengaitkannya dengan karya-karya yang telah dihasilkan. Contoh naskah seumpama ini adalah *Memoir Seribu Riak di Pantai Usia* yang dikarang oleh Rejab F.I, terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Kebanyakan pengarang yang menulis tentang proses kreatif adalah penulis-penulis lama. Pengarang baharu agaknya masih malu-malu untuk menceritakan proses kreatif mereka kepada umum. Pada pandangan mereka, hanya penulis-penulis mapan sahaja yang layak untuk menceritakan proses penghasilan karya untuk difahami pembaca. Untuk menghasilkan biografi atau memoir sendiri, sudah tentu terlalu awal. Selain itu, tidak ada banyak ruang yang membolehkan penulis-penulis muda untuk menceritakan cara atau langkah mereka mendapatkan idea dan seterusnya mengembangkan idea tersebut menjadi sebuah karya. Inisiatif mengetengahkan proses kreatif penulis muda yang wajar dipuji adalah segmen *Ilham Kembara* dalam majalah *Tunas Cipta*. Menerusi segmen ini, penulis muda dijemput untuk menceritakan latar luar negara mencetuskan idea untuk penghasilan karya mereka. Namun, segmen ini hanya terhad kepada ilham-ilham yang tercetus sewaktu pengembaraan. Tidak semua penulis menggunakan latar tempat dan budaya sebagai pencetus idea. Oleh itu, segmen ini sahaja tidak mencukupi bagi membolehkan proses kreatif penulis muda difahami dengan jelas.

Kekurangan sumber rujukan menyebabkan proses kreatif penulis muda agak sukar untuk difahami. Makalah ini dihasilkan berdasarkan beberapa sumber terhad di samping pandangan peribadi penulis sebagai seorang yang gemar membaca serta menulis cerpen. Selain itu, suatu kaji selidik ringkas untuk memahami sikap dan kecenderungan penulis di Malaysia turut dilakukan bagi menambah input untuk makalah ini. Dalam bahagian-bahagian yang seterusnya, perbandingan proses kreatif penulis muda dan lama dibuat berdasarkan beberapa kata kunci utama.

WADAH DAN PELUANG BERKARYA

Menelusuri catatan Allahyarham Azizi Haji Abdullah dalam naskah *Kuras-Kuras Kreatif*, semasa peringkat permulaan menulis beliau mengakui banyak menghasilkan rencana berbanding dengan cerpen (Abdullah 2007). Hal ini disebabkan oleh peluang untuk cerpen disiarkan adalah

rendah. Setelah banyak kali mencuba, cerpen pertama beliau bertajuk 'Sisa' disiarkan dalam akhbar Warta Mingguan pada tahun 1960. Begitu juga dengan penulis Rejab F.I, iaitu karya pertamanya berjudul 'Kisah' di Sinar Bulan disiarkan di Utusan Filem pada tahun yang sama, iaitu pada 30 Ogos 1960 (Ismail, 2013). Rejab F.I turut menjelaskan betapa sukar pada waktu itu untuk menjadi penulis kerana tiada buku panduan menulis atau bengkel seperti sekarang. Kebanyakan penulis lama mula minat menulis karya setelah membaca karya-karya di majalah dan akhbar arus perdana, contohnya Utusan Zaman, Utusan Melayu, Warta Negara dan Qalam. Terdapat ramai penulis lama menghantar karya berbentuk eceran ke sana untuk disiarkan. Tidak ramai yang mampu untuk menerbitkan kumpulan cerpen sendiri pada peringkat awal, mungkin disebabkan faktor kewangan atau bukan suatu kebiasaan pada waktu itu untuk penulis-penulis baharu mempunyai kumpulan cerpen sendiri. Kebanyakan penulis lama terpaksa bersabar dan terus memperbaiki karya bagi menembusi media perdana yang agak terbatas ruangannya.

Sejak beberapa tahun belakangan ini, penerbit buku yang menggelarkan mereka sebagai *indie* (singkatan untuk *independent*) semakin bertambah. Kewujudan penerbit baharu ini membolehkan penulis-penulis muda menerbitkan karya dengan lebih mudah. Hal ini disebabkan oleh penilaian karya dibuat dengan cepat dan rata-rata penerbit tidak meletakkan syarat penerbitan yang begitu ketat. Perkara ini menyebabkan penulis-penulis muda lebih mudah menerbitkan karya mereka. Ada penulis yang sudah boleh menerbitkan kumpulan cerpen peribadi walaupun baru sahaja beberapa tahun mula menulis. Berbanding dengan penulis lama, ada antara penulis muda tidak pernah pun mencuba untuk menghantar karya eceran ke majalah dan akhbar arus perdana. Terbitan naskhah-naskhah *zine* juga menjadi penyebab karya-karya penulis muda mudah untuk mendapat tempat.

Kewujudan pelbagai wadah dan penerbit menyebabkan definisi cerpen sudah menjadi semakin longgar. Surat khabar arus perdana dan majalah-majalah tidak lagi menjadi kayu pengukur definisi dan kualiti sesebuah cerpen. Penulis muda masing-masing mempunyai acuan cerpen mereka tersendiri. Ada penulis muda yang menceburi penulisan berasaskan Islam, iaitu cerpen-cerpen lebih bersifat ringan dengan tujuan menyampaikan dakwah. Ada juga penulis muda mencuba karya eksperimental dalam wadah-wadah berkonsepkan *indie*. Kepelbagaian ini tidak harus dianggap sebagai ancaman sebaliknya haruslah dirai.

HUBUNGAN DENGAN UNSUR ALAM

Satu persoalan timbul berkenaan semakin kurangnya unsur alam diterapkan oleh penulis-penulis muda dalam semua genre penulisan. Hal ini berbeza dengan kebanyakan penulis lama yang banyak menggunakan elemen alam sebagai tunjang karya. Lewat cerpen-cerpennya, Allahyarham Azizi Haji Abdullah begitu arif dalam memaparkan latar berunsurkan alam. Kehidupan masa kecilnya di Kota Kuala Muda, Kedah membolehkan beliau mengikut bapanya untuk pergi memukat, menangkap ikan keli dan haruan secara tradisional, mengerjakan sawah serta menjerat burung. Kesemua pengalaman berharga ini disematkan dalam karya, bahkan menjadi tunjang utama untuk sebahagian cerpen. Dalam naskhah *Kuras-Kuras Kreatif*, beliau menjelaskan secara terperinci pengaruh setiap unsur alam seperti sungai, laut, bukit dan sawah terhadap penulisannya. Contohnya cerpen 'Sangat Semilang' yang disiarkan di majalah *Dewan Sastera* pada tahun 1983. Cerpen ini diilhamkan menerusi pengalaman cemas beliau disengat ikan semilang dan tidak dipedulikan oleh ayahnya ketika dia kesakitan. Semasa menceritakan proses kreatif cerpen ini, beliau turut memohon maaf kerana menulis cerpen ini dengan rasa penuh benci kepada ayahnya. Mungkin juga pengalaman sebegini telah membantu Allahyarham untuk menghasilkan novel *Ayahanda*, yang banyak mengisahkan hubungan seorang anak dan seorang bapa yang bersikap aneh.

Rejab F.I dalam memoir beliau turut menjelaskan betapa akrab dirinya dengan kehidupan desa dan alam. Antaranya kisah zaman kecilnya mengembala lembu, bermain senapang buah cenerai dan sebagainya. Kebanyakan penulis muda tidak terdedah secara langsung dengan unsur alam jika dibandingkan dengan penulis lama. Namun, kekurangan pengalaman tidak semestinya menghalang penulis muda untuk mengangkat tema dan latar berkaitan alam. Sebagai contoh, penulis muda yang mahu memahami dengan lebih mendalam tentang latar sawah padi, boleh cuba mendapatkan ilham dengan berkunjung ke Muzium Padi di Alor Setar, Kedah. Dengan adunan teknik kreatif dan maklumat, tidak mustahil sebuah karya hebat yang mengangkat unsur alam dan elemen tradisional dapat dihasilkan oleh seorang penulis muda.

Hal ini serupa dengan teknik penulisan cerpen 'Kerana Manisnya Epal' oleh Faisal Tehrani, yang pernah menjadi salah satu cerpen KOMSAS sekolah menengah. Cerpen ini dihasilkan semasa beliau di bangku sekolah. Menurut beliau, idea untuk menulis cerpen ini terhasil apabila mengunjungi sebuah pameran berkaitan buah epal di ibu kota. Bermula dari situ, beliau mengetahui sedikit sebanyak maklumat tentang jenis-jenis buah epal. Maklumat ini kemudiannya diadun bersama-sama dengan latar British Columbia dan konflik ambil alih tanah ladang epal oleh gabenor. Teknik yang digunakan oleh Faisal Tehrani ini membolehkan penulis muda mengangkat sesebuah tema yang tidak akrab dengannya.

Hubungan pengalaman dan idea seseorang penulis dapat difahami dengan lebih jelas dengan merujuk idea Benjamin Lee Whorf, seorang ahli linguistik Amerika Syarikat (Whorf, nd). Dalam konsep bulatan sepusat, bulatan mempunyai lapisan dalam dan lapisan luar. Setiap lapisan bulatan mewakili tahap realiti penulis terhadap sesuatu pengalaman atau persekitaran. Lapisan paling dalam adalah realiti yang hampir dengan penulis. Lapisan luar pula mewakili realiti paling jauh atau tidak akrab dengan penulis. Manakala kawasan di luar bulatan pula adalah sesuatu yang bukan realiti kepada penulis.

Bagi kebanyakan penulis muda, realiti tentang alam semula jadi dan kehidupan desa hanya berada di lapisan luar (atau boleh jadi di luar bulatan jika penulis tersebut tinggal di bandar). Untuk penulis lama terutama mereka yang aktif dekad 50 - 70-an, realiti ini adalah di lapisan dalam. Oleh sebab itu, latar tentang sungai, bukit, laut dan sawah padi lebih sehati dengan golongan penulis lama.

CABARAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

Selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang memperkasakan penggunaan internet, proses menulis dan menyiarkan sesebuah karya telah menjadi sesuatu yang sangat mudah. Pembaca boleh mengakses sesetengah karya pelbagai genre tanpa perlu membuat sebarang bayaran. Tahun demi tahun juga, wadah baharu untuk menulis di dunia internet semakin bertambah. Sejak sedekad yang lepas, cerpen-cerpen dimuatkan dalam laman web berkonsepkan portal atau blog. Platform sebegini sememangnya digemari penulis, terutama yang baharu kerana tidak perlu menunggu lama untuk karya disiarkan di samping syarat-syarat yang lebih bebas. Hal ini berlainan dengan media arus perdana.

Kewujudan aplikasi media sosial seperti Twitter dan Facebook membolehkan keterlihatan karya kreatif terutamanya daripada kalangan penulis muda kian meningkat. Kemudahan teknologi di hujung jari ini membolehkan penulisan cerpen digarap di mana-mana saja, tanpa mengira masa. Penulis tidak lagi perlu menggunakan mesin taip atau komputer bimbit. Cerpen (dan karya-karya lain) boleh ditaip melalui aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter dan Wattpad.

Antara contoh penggunaan media sosial ini adalah penerbitan buku terbitan Merpati Jingga berjudul 'Cerpen Twitter', karya Ajami Hashim. Naskhah 52 halaman ini menghimpunkan cerpen-cerpen yang ditulis menerusi aplikasi Twitter dengan tanda pagar '#cerpentwitter'. Jumlah ayat

yang hanya sebanyak 150 aksara, 'cerpen' yang ditonjolkan penulis ternyata berbeza dengan definisi cerpen yang difahami khalayak umum iaitu cerpen perlu mempunyai plot dan mengambil masa sekitar lima ke sepuluh minit untuk dibaca. Dalam naskhah ini, idea penulis telah digubah menjadi bahagian-bahagian pendek yang mudah difahami pembaca. Apa yang menarik, penulis tidak menggunakan kependekan perkataan dalam tulisannya meskipun ruang begitu terhad.

Teknik penggunaan media sosial sememangnya menjadi ikutan para penulis muda yang begitu akrab dengan aplikasi telefon pintar. Melihat dari sudut yang positif, aplikasi media sosial dan penggunaan telefon pintar menyenangkan penulis untuk mencurahkan idea. Media sosial mempunyai ruang tanpa batas. Sesiapa sahaja kini boleh menjadi penulis dan boleh menamakan tulisannya sebagai cerpen, tanpa perlu merujuk mana-mana pihak. Namun, kemudahan untuk menyiarkan karya di media sosial boleh menyebabkan penulis terlalu gopoh berkarya. Akibatnya, karya yang terhasil tidak disunting dengan cermat. Karya tersebut berkemungkinan ada potensi untuk digarap dengan lebih baik. Disebabkan tiada editor yang mengawal kewujudan karya di laman sosial, karya yang kurang berkualiti akan tetap jua dapat disiarkan.

Tidak dinafikan, karya-karya dalam media sosial mempunyai kekuatan serta kualiti tersendiri. Namun, karya sebegini tidak didokumentasi dengan baik. Hal ini menyebabkan karya ini sekadar terperuk dalam media sosial dan tidak dibaca golongan yang kurang biasa dengan media sosial. Perkara sebegini seharusnya diambil berat bagi memastikan bakat serta idea hebat penulis muda tidak hanya terbantut dalam akaun media sosial miliknya sahaja.

KESIMPULAN

Perkembangan penulis muda merupakan satu aspek penting untuk diambil kira bagi memastikan kelangsungan industri buku dan sastera tanah air pada masa hadapan. Usaha atau inisiatif daripada pihak berkuasa wajarlah selari dengan perkembangan ini agar dapat menyerlahkan bakat-bakat penulis muda untuk dikembangkan dengan lebih jauh. Penulis lama pula tidak boleh mengharapkan penulis muda untuk mengikut kelaziman menghasilkan penulisan karya senada dengan penulisan mereka. Setiap generasi berhadapan dengan cabaran dan pengalaman tersendiri. Oleh itu, kaedah untuk mendepani cabaran sudah tentu berbeza.

Proses penulisan kreatif seperti dinyatakan dalam tajuk makalah ini, perbandingan yang dihuraikan hanyalah sekadar tinjauan. Masih banyak ruang kajian terhadap proses kreatif penulis Malaysia perlu dilaksanakan bagi memahami hala tuju dunia sastera dan penulisan tanah air. Cerpenis muda harus didedahkan dengan kepelbagaian proses kreatif dalam usaha mereka memperkasa karya masing-masing. Kesungguhan penulis muda dalam mengetahui proses kreatif penulis lain sekurang-kurangnya dapat memandu mereka dalam memahami kaedah-kaedah berlainan dalam proses pencetusan idea.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H. (2007). *Kuras-Kuras Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron, N. H., & Safei, M. (2011). *Bagaimana saya menulis: Proses Penciptaan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, R. (2013). *Memoir Seribu Riak Di Pantai Usia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Whorf, B. L. (No date). *Science and Linguistic*. Retrieved June, 30, 2019, from web.mit.edu/allanmc/www/whorf.scienceandlinguistics.pdf.

